

Memo kepada Kerajaan Malaysia

**PENUBUHAN TABUNG SISWA UNTUK MENGGANTIKAN
SISTEM BIASISWA HADIAH KERAJAAN**

(Satu Cadangan Reform Lengkap)

oleh

**PROFESSOR UNGKU A. AZIZ
NAIB-CANSelor DAN PROFESSOR EKONOMI
UNIVERSITI MALAYA**

MEMO KEPADA KERAJAAN MALAYSIA

Penubuhan Tabung Siswa Untuk Mengantikan Sistem Biasiswa Hadiah Kerajaan (Satu Cadangan Reform Lengkap)

oleh

PROFESSOR UNGKU A. AZIZ
NAIB-CANSELOR DAN PROFESSOR EKONOMI
UNIVERSITI MALAYA

Biasiswa dan Dasar Ekonomi Baru

Sekarang ini ada pemimpin dan rakyat yang tidak begitu puas hati dengan kecepatan pembangunan ekonomi dan sosial yang dapat dicapai selepas dari Mei 1969.

Saya berkesan bahawa ada kesedaran iaitu hasil cita-cita yang termaktub di dalam Rukunegara (tarikh 31hb Ogos 1970) dan Rancangan Malaysia Kedua, 1971-75 (tarikh Jun 1971) tidak dapat dicapai dengan halaju yang seharusnya. Khasnya, saya insaf tentang perasaan tidak puas hati dari beberapa golongan rakyat berkenaan dengan pembahagian bilangan mahasiswa Malaysia, diantara Bumiputra dan bukan Bumiputra di Universiti-Universiti di dalam dan di luar negeri.

Maka Rukunegara telah mengisytiharkan bahawa rakyat Malaysia mendokong cita-cita, diantara lain, hendak mencipta satu masyarakat yang adil dimana kemakmurannya akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.

Oleh yang demikian, kemudahan pelajaran peringkat Universiti adalah suatu kemakmuran Negara yang besar nilainya. Ini benar, kerana bukan sahaja pelajaran tinggi bertujuan mengeluarkan pakar dan pemimpin-pemimpin aktif yang boleh membawa negara ini ke arah kemajuan ekonomi dan teknologi serta kebudayaan, akan tetapi ini benar juga kerana ijazah yang menjadi satu daripada lambang kejayaan di peringkat pelajaran Universiti itu boleh menggandakan pendapatan siswazah-siswazah. Umpamanya anak kaum tani yang pukul rata pendapatan keluarganya \$80 sebulan, boleh berharap menerima \$800 sebulan, setelah ia lulus dari Universiti. Ini adalah sepuluh kali ganda.

Oleh yang demikian, haruslah dianggap kemudahan kemasukan ke Universiti dan peluang-peluang yang besar serta pendidikan yang mencukupi (supaya siswa itu tidak mudah gagal) sebagai suatu "kemakmuran" yang boleh dinikmati *bersama*. Iaitu, anak desa yang mengalami kemiskinan harus mendapat peluang yang sama, "secara adil dan saksama", dengan anak kota yang sudah tentu mendapat kemudahan sekolah yang baik layanan kesihatan yang baik dan lain-lain, supaya kedua-kedua golongan itu dapat sama peluang *masuk* ke Universiti, *belajar* di Universiti dan *lulus* dari Universiti.

Pada masa ini sungguhpun sudah ada perubahan yang radikal di dalam dasar kemasukan Universiti,

kasnya di Universiti Malaya, saya rasa ada baiknya jika kita memikirkan perubahan yang radikal pula untuk sistem biasiswa yang dihadiahkan oleh Kerajaan, supaya masaalah yang berpuncakkan kemiskinan itu dapat diatasi betul-betul.

Di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua 1971-75 telah dinyatakan dengan tegas bahawa Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua langkah pembangunan. Iaitu satu langkah pembangunan adalah menghapuskan kemiskinan dan satu lagi langkah pembangunan adalah penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk mencapai perseimbangan ekonomi.

Oleh yang demikian, sebagaimana dasar kemasukan Universiti-Universiti telah disusun semula untuk mencapai cita-cita tersebut, perlulah kita mengkaji semula sistem biasiswa Kerajaan yang sedang menjadi sesuatu dari alat penting untuk menambahkan bilangan Bumiputra atau Melayu serta kaum desa di dalam Universiti-Universiti.

Ada empat perkara yang mempengaruhi saya membuat cadangan untuk reform sistem biasiswa itu. Yang pertama ialah masaalah yang timbul dari kemasukan anak-anak dari desa dan dari keluarga-keluarga pekerja. Iaitu selalu terdapat jumlah wang biasiswa itu tidak mencukupi untuk keperluan-keperluan yang sah bagi mereka itu.

Yang kedua, ada sebilangan yang agak besar anak golongan orang berada yang diberikan hadiah biasiswa, walhal sebenarnya mereka tidak perlukan wang itu.

Yang ketiga, oleh sebab biasiswa itu dihadiahkan begitu sahaja, yakni dengan percuma, penerima-penerima itu tidak berapa insafkan bantuan yang diterima dari masyarakat dan Negara. Iaitu, mereka tidak begitu rasa syukur tentang pertolongan yang diberi dan setelah lulus Universiti mereka tidak begitu berasa bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan maksud membayar balik sebahagian dari kemudahan-kemudahan yang telah dirahmatkan kepada mereka semasa mereka belajar di Universiti. Saya perlu catitkan di sini bahawa memang ada sebilangan mahasiswa yang mesti dikecualikan dari sifat, "hutang-budi-dilupa" itu. Dan saya lihat semakin ramai anak desa sampai ke Universiti, semakin banyaklah bertambah golongan terkecuali itu. Namun demikian, jumlah kasar golongan terkecuali itu masih lagi kurang dari lima peratus dari semua mahasiswa.

Yang keempat, saya berhemat bahawa Kerajaan Malaysia haruslah selalu berjimat di dalam penggunaan wang. Pimpinan Kerajaan serta pakar-pakar ekonomi Kerajaan, harus menimbangkan penggunaan wang atau hasil Kerajaan itu. Jikalau ada cara penggunaan wang atau perbelanjaan yang boleh mencapai tujuan yang sama dengan perbelanjaan yang kurang, haruslah perkara itu diperhatikan dengan teliti. Dan jika pada cara itu didapati sifat baiknya lebih dari sifat buruknya, maka wajiblah cara itu dipergunakan, walau siapapun yang mengesyurkannya pada permulaannya.

Perubahan Sistem Biasiswa

Syur saya tentang perubahan besar di dalam sistem biasiswa adalah radikal. Saya akan mengesyurkan butir-butirnya di bawah. Dengan lengkap, syur saya itu adalah supaya sistem biasiswa yang sekarang ini dihadiahkan dengan percuma diubah kepada biasiswa yang mencukupi yang didapati sebagai pinjaman. Ini akan mengurangkan wang yang harus dibelanjakan oleh Kerajaan untuk biasiswa. Umpamanya sekarang ini Kerajaan mungkin membelanjakan wang lebih dari 15 juta ringgit setahun sebagai pemberian biasiswa yang dihadiahkan kepada mahasiswa di Universiti-Universiti. Dan mahasiswa itu tidak diwajibkan membayar balik wang itu. Hanya diwajibkan penerima biasiswa itu bertugas dengan Kerajaan selama beberapa tahun.

Sebenarnya sebelum saya menerangkan tentang butir-butir sistem biasiswa pinjaman, ada baiknya jika

saya terangkan tentang beberapa perkara latar belakang supaya pembaca memo ini boleh memahami dengan jelas maksud saya.

Perkara Latar Belakang

Perkara latar belakang yang pertama ialah kemasukan ke Universiti itu tertakluk kepada seksyen 47 di dalam Perlembagaan Universiti. Mengikut seksyen ini, sebuah Universiti di Malaysia tidak boleh menolak seorang calun masuk jika calun itu telah diberi biasiswa yang bersumberkan wang Kerajaan. Kecuali, calun-calun itu boleh ditolak dengan persetujuan Menteri Pelajaran Malaysia. Dalam hal ini tidak dikira samaada pemberian biasiswa itu kecil seperti berjumlah dua atau tiga ratus ringgit atau besar sehingga \$ 3,000 setahun.

Satu akibat dari pelaksanaan dasar seksyen 47 itu, umpamanya di dalam tahun 1972 di Universiti Malaya, ialah bilangan calun yang telah diberi biasiswa oleh pehak-pehak Kerajaan boleh menjadi lebih dari jumlah tempat kosong yang ada di dalam sebuah fakulti. Misalnya, berbanding dengan tempat kosong yang ada lebih kurang sembilan ratus tempat di dalam sebuah fakulti, calun yang mendapat tawaran biasiswa Kerajaan dan yang meminta tempat-tempat itu telah menjadi lebih dari 1,900 orang.

Satu hal lagi ialah pada tahun-tahun yang akhir ini bilangan mahasiswa baru yang sudah berumahtangga sebelum mereka datang ke Universiti telah bertambah. Kebanyakan dari mereka itu ialah bekas guru, yang mengikut peraturan sekarang, boleh belajar sendiri dan boleh mengambil kertas-kertas peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan di dalam Bahasa Malaysia. Jika dibenarkan, mereka diberi peluang mengambil cuti setengah gaji selama 18 bulan jika kursus itu tiga tahun. Baki cuti itu diberi tanpa gaji oleh Kementerian Pelajaran. Wang itu tidaklah mencukupi untuk pelajaran selama tiga atau empat tahun. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar seperti itu memerlukan wang yang lebih untuk sara hidup isteri dan anaknya selama mereka belajar di Universiti.

Suatu bukti tentang bilangan calun-calun persendirian Sijil Tinggi Persekolahan Bahasa Malaysia yang bertambah itu adalah seperti berikut:

Calun Sijil Tinggi Persekolahan Bahasa Malaysia
Aliran Sastera Persendirian

| Tahun | Bil.Calun |
|-------|-----------|
| 1967 | 697 |
| 1968 | 1,551 |
| 1969 | 2,477 |
| 1970 | 3,842 |
| 1971 | 6,024 |

Ada juga terdapat buktinya bahawa beberapa orang mahasiswa yang berumur lebih, sanggup menjadi buruh kasar atau pemandu teksi dalam masa cuti panjang untuk mencari wang untuk menampung bayaran-bayaran Universiti dan sara hidup. Saya pernah juga mendengar kesah seorang seperti ini membawa nasi bungkus ke Universiti untuk menjimatkan perbelanjaan. Maksud saya ialah zaman pilihan anak-anak yang berada atau keluarga golongan feudal sudah diganti separuh dan anak-anak golongan berpendapatan kecil mahupun golongan miskin sudah ramai sampai ke Universiti sekarang.

Sungguhpun telah ada beberapa usaha baik untuk membereskan urusan berasrama Kerajaan itu, sebenarnya perkara ini tidak mungkin disampurnakan dengan ubat tampal-tampal sahaja. Kita perlukan rawatan yang mujarab dan jika perlu pembedahan, supaya tujuan asasi penyusunan semula di peringkat pelajaran Universiti pasti tercapai.

Dasar Universiti pun sudah berubah benar berkenaan dengan kemasukan pelajar-pelajar dari desa dan juga dari negeri-negeri utara Malaysia Barat dan dari Malaysia Timor. Selepas peristiwa Mei 1969 dan perisytiharan Rukunegara, berdasarkan prinsip Masyarakat Adil, dasar-dasar pengambilan mahasiswa baru itu telah diubah di beberapa fakulti. Dengan ini jenis-jenis mahasiswa yang selama ini tidak begitu ramai telah bertambah benar bilangannya di Universiti. Oleh yang demikian, mungkin timbul keperluan-keperluan baru yang tidak disedari oleh pehak-pehak berkuasa pada masa yang lalu. Khasnya ini bersabit dengan keperluan bantuan wang.

Mahasiswa yang datang dari rantau desa mungkin kebanyakannya datang dari keluarga yang mengalami keadaan kemiskinan dan ibubapa mereka tidak mungkin memberi pertolongan kepada anak-anaknya yang dapat masuk ke Universiti. Untuk tujuan itu ada orang kampung yang bergadai atau menjual tanah, rumah, lembu dan lain-lain. Akan tetapi ini membawa kepada keadaan yang lebih bersifat kemiskinan bagi mereka. Sebenarnya mahasiswa golongan ini selalu mencuba mengirimkan wang balik ke kampung mereka untuk menolong keluarga yang putus belanja itu. Kadang-kadang keluarga mereka kekurangan wang kerana hendak membayar cukai tanah atau membeli buku sekolah menengah bagi adik-adik mahasiswa itu. Oleh yang demikian, jika kita betul-betul hendak menolong anak desa, keadaan kemiskinan ini mestilah diakui dan mereka mestilah diberi peluang mendapat wang yang mencukupi (adequate) untuk bukan sahaja bayaran kos-kos Universiti akan tetapi juga untuk membantu keluarganya yang tinggal di desa itu. Ini termasuk juga ibubapa yang sudah tua dan tidak boleh bekerja lagi.

Pengaruh-pengaruh yang mendesak saya menulis rencana ini adalah timbul dari pengalaman saya sebagai seorang Naib-Canselor yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran kemasukan mahasiswa dan pemberian berasrama serta pinjaman. Selama empat tahun setengah yang lalu saya telah memeriksa dan menolong banyak kes mahasiswa yang putus belanja dan yang terpaksa meminjam dari pehak Universiti.

Iaitu Naib-Canselor mentadbirkan beberapa tabung pinjaman seperti berikut: Tabung Pinjaman yang telah didermakan oleh Yayasan-Yayasan, Pemegang-Pemegang Amanah (trustees), syarikat swasta atau orang persendirian yang berjumlah \$ 282,363. Tabung Pinjaman Mahasiswa yang dibentuk oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya yang berjumlah \$ 85,655 dan Fund untuk bantuan mahasiswa yang dibawah arahan Naib-Canselor yang berjumlah \$ 93,511. Jumlah kasar bagi ketiga-tiga tabung itu adalah \$ 461,529 pada bulan Februari, 1972. Sehingga hujung tahun 1972, jumlah pinjaman yang telah diurus oleh Pentadbiran Universiti Malaya adalah \$ 330,842.

Saya juga telah menyusun semula pentadbiran Universiti supaya dalam tahun 1971 diadakan seorang pegawai khas yang mentadbirkan berasrama dan pinjaman. Sekarang pegawai ini menguruskan segala hal berkenaan dengan berasrama dan pinjaman termasuk temuduga dengan mahasiswa dan hubungan resmi dengan Kerajaan Pusat serta Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Satu lagi pengalaman saya dapat dari hubungan saya dengan pemimpin-pemimpin mahasiswa dari Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Pertubuhan Luar Asrama-Asrama dan lain-lain persatuan. Di Pejabat Canseleri ada dua orang Penolong Pendaftar yang hampir tiap-tiap hari menemui mahasiswa untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka. Mereka menggunakan masa beratus-ratus jam setahun untuk menyelidiki kes mahasiswa yang tidak dapat berasrama atau lambat menerima bayaran atau menghadapi kesulitan kewangan dan lain-lain kesulitan. Mereka boleh juga mendapat layanan iktisas dari seorang pegawai, Penasehat

Mahasiswa yang juga ditempatkan di Canseleri. Agak saya kajian-kajian yang saya telah lakukan sebagai seorang iktisas ahli ekonomi dalam masa duapuluh tahun yang lalu, tentang masaalah kemiskinan desa telah juga memberi saya suatu keinsafan istimewa tentang taraf hidup atau keadaan ekonomi orang kampung, kaum tani, kaum nelayan dan buruh di Negara ini.

Oleh yang demikian, apa yang saya surukan di bawah ini bukanlah ditulis dengan niat mencari nama atau populariti atau memajukan skim kepala angin saya sendiri. Saya yakin ramalan saya itu akan membawa beberapa munafaat kepada bukan sahaja mahasiswa, Kerajaan dan Universiti akan tetapi ia akan mempengaruhi aliran pembangunan ekonomi serta penyusunan masyarakat Malaysia pada masa akan datang.

Penggantian Biasiswa Dengan Pinjaman

Dengan rengkasnya saya surukan supaya sistem biasiswa Kerajaan yang ada sekarang itu digantikan dengan sistem pinjaman yang mencukupi. Secara butiran suru saya itu adalah seperti berikut:

- (1) Ditamatkan sistem biasiswa Kerajaan yang ada sekarang ini. Iaitu dari tahun 1974 biasiswa tidak akan diberi lagi oleh mana-mana pehak Kerajaan Pusat mahupun Negeri atau Perbadanan-Perbadanan Berkanun. Kecuali, mahasiswa yang berdaftar di dalam tahun kedua atau atas dan yang telah menerima biasiswa pada tahun 1973, boleh diberi biasiswa sehingga mereka lulus peperiksaan akhir kursusnya.
- (2) Dari tahun 1974 semua mahasiswa baru itu diberikan:
 - (a) peluang mendapat pinjaman yang mencukupi dan
 - (b) hadiah-hadiah untuk kemajuan istimewa atau kejayaan yang cemerlang.

Dengan syarat "pinjaman yang mencukupi" saya bermaksud jumlah wang yang dipinjamkan kepada seorang mahasiswa pada tiap-tiap tahun itu, hendaklah mencukupi untuk semua perbelanjaannya di Universiti termasuk bayaran yuran, bayaran asrama, pembelian buku-buku teks serta rujukan dan lain-lain bayaran yang diperlukan serta perbelanjaan rumit yang dikatakan, "wang saku". Jikalau diperlukan pinjaman tambahan, "yang mencukupi", untuk menampung perbelanjaan sara hidup keluarga mahasiswa itu termasuk ibubapanya jika mereka tidak ada sumber kewangan oleh sebab beberapa hal atau untuk keluarga mahasiswa itu jika mereka sudah beristeri dan mempunyai anak sebelum mereka datang ke Universiti. Mungkin boleh diadakan syarat wang pinjaman untuk isteri itu dihadkan kepada mahasiswa yang umurnya lebih dari duapuluh lima tahun dan disiasat samaada isteri itu bekerja atau tidak.

Pinjaman-pinjaman itu harus dibayar balik bermula dari penerimaan gaji yang pertama atau satu tahun selepas menerima sijil dari Universiti, yang mana lebih lambat. Dan bayaran itu dibahagikan kepada beberapa ansuran dalam masa lapan tahun. Dua tahun selepas menerima sijil, baharulah dikenakan bunga empat peratus setahun sehingga jumlah pinjaman itu dijelaskan.

Contoh jumlah pinjaman dan ansuran bayaran adalah seperti berikut:

Umpamanya, seorang mahasiswa meminjam \$ 2,400 setahun pada tiap-tiap tahun selama beliau belajar kursus empat tahun di Universiti. Jumlah pinjaman itu adalah \$ 9,600. Beliau akan membayar balik ansuran lebih kurang \$ 120 sebulan, selama lapan tahun. Ansuran bayar balik yang pertama hanya dimulakan setelah mereka menerima gaji yang pertama atau setelah mereka sudah lulus Universiti setahun lamanya, yang mana lebih lambat.

Kadar bunga empat peratus dikenakan pada baki hutang setelah dua tahun lepas siswa itu menerima sijilnya dari Universiti.

Ansuran pembayaran balik itu boleh diubah jika perlu. Beberapa contoh tentang jangkamasa pembayaran balik di bawah:

**CONTOH-CONTOH ANSURAN PEMBAYARAN BALIK
IKUT MASA 6 - 10 TAHUN**

| Masa Pembayaran Balik | Ansuran Bulanan | Jumlah Bayaran Tahunan Pokok Dan Bunga |
|-----------------------|-----------------|--|
| Empat tahun | \$ 152.61 | \$ 1,831.35 |
| Tujuh tahun | \$ 133.29 | \$ 1,599.48 |
| Lapan tahun | \$ 118.82 | \$ 1,425.80 |
| Sembilan tahun | \$ 107.60 | \$ 1,291.19 |
| 10 | \$ 98.63 | \$ 1,183.56 |

Saya faham bahawa sekarang inipun Perbadanan MARA dan Yayasan Sabah ada menguruskan sistem pinjaman kepada mahasiswa. Kesan kegiatan kedua-dua badan itu adalah sangat baik. Akan tetapi jikalau dibandingkan beberapa ratus ribu ringgit yang dipinjamkan tiap-tiap tahun oleh kedua-dua Badan itu dengan keperluan biasiswa yang sekarang ini mungkin berjumlah lebih dari \$15 juta yang diterima oleh lebih dari 5,000 mahasiswa di Malaysia, nyatalah perkara ini memerlukan suatu pentadbiran serta modal yang lebih khusus untuk hal ini.

Tabung Siswa

Tabung Siswa **Jumlah** **Moda Raya** **Bantuan**

Untuk menguruskan hal ehwal pinjaman dan pembayaran balik seperti apa yang saya syurkan itu, sekarang saya mencadangkan supaya ditubuhkan suatu Perbadanan khas yang boleh dinamakan, "TABUNG SISWA".

Perbadanan itu boleh diujudkan dengan Akta Parlimen seperti Perbadanan Tabung Haji yang telah diwujudkan pada tahun 1962 setelah saya mengesyurkannya lebih dari duabelas tahun dahulu, dan yang sekarang bermodal lebih dari 57 juta ringgit.

Maka satu dari kelebihan besar syur saya ialah Kerajaan tidak payah mengadakan modal dengan perbelanjaan tambahan untuk Tabung Siswa itu. Hanya Kerajaan perlu membayarkan kepada Tabung itu jumlah wang yang sekarang ini diberi kepada pelajar-pelajar Universiti sebagai biasiswa. Kemudian Tabung Siswa akan memberi pinjaman kepada mahasiswa mengikut jumlah wang pinjaman yang dianggap "mencukupi" bagi tiap-tiap peminjam itu.

Pada masa tiga hingga empat tahun yang pertama bagi urusan Tabung itu, wang pinjaman hanya diberikan kepada mahasiswa baru. Iaitu bagi pelajar-pelajar yang sekarang menerima biasiswa Kerajaan mengikut Surat Perjanjian (contract) masing-masing harus menerima biasiswanya sehingga mereka selesaikan pelajaran di Universiti.

Umpamanya jikalau Kerajaan sekarang membayar 12 juta setahun sebagai biasiswa, bolehlah dianggarkan

bahawa bagi tahun pertama, Tabung Siswa hanya akan mengurus bayaran pinjaman berjumlah lebih kurang 3 juta ringgit. Bagi mahasiswa yang sedang menerima biasiswa pada tahun kedua ke atas bayarannya berjumlah kira-kira 9 juta. Pada tahun kedua, bayaran pinjaman kepada mahasiswa Tahun I dan Tahun II mungkin meningkat kepada \$ 6 juta. Sambil itu jumlah bayaran biasiswa oleh Kerajaan kepada mahasiswa Tahun III ke atas akan susut kepada 6 juta. Selepas tahun ke IV, jumlah bayaran itu mungkin lebih kurang setengah juta ringgit dan Tabung Siswa akan menerima $11\frac{1}{2}$ juta ringgit dari Kerajaan untuk modal pinjaman bagi tahun itu.

Lima tahun selepas Tabung Siswa itu telah memulakan urusannya ia akan mula menerima ansuran bayar balik dari peminjam-peminjam. Selepas enam tahun ansuran bayar balik itu akan mengandungi bayaran bunga bersama-sama dengan pokok. Jumlah bayaran bunga itu boleh digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran Tabung Siswa itu.

Kerajaan hanya perlu memberi bayaran 12 juta ringgit setahun itu selama lima tahun. Selepas itu bayaran balik dan bayaran bunga boleh menampung sebahagian dari jumlah modal yang diperlukan. Umpamanya, pada tahun kelapan, Kerajaan hanya perlu memberi 6.65 juta ringgit kepada Tabung Siswa. Pada tahun kesepuluh Tabung itu hanya perlu menerima tiga juta dari Kerajaan sebagai modal. Akhirnya, selepas tahun ke duabelas sebagaimana saya telah terangkan di atas, Tabung Siswa itu boleh berdikari dan tidak lagi perlu menerima bantuan modal dari Kerajaan.

Di bawah ini saya berikan suatu contoh perkembangan modal Tabung Siswa itu. Ini hanya satu contoh atau model. Saya menganggar jumlah pinjaman yang diperlukan adalah 12 juta ringgit setahun. Pukul rata dianggarkan Tabung Siswa akan memberi pinjaman kepada 5,000 orang dan tiap-tiap satu pinjaman bernilai \$ 2,400 untuk setahun. Bunga empat peratus dikenakan setelah dua tahun selepas peminjam lulus Universiti, iaitu pada tahun ketujuh dari permulaan urusan Tabung Siswa itu. Sungguhpun begitu, bayaran balik dimulakan dari tahun keenam. Ansuran-ansuran itu dibayar balik selama lapan tahun.

**Contoh Perkembangan Modal Tabung Siswa
Jika Ansuran Bayar Balik Dibahagikan Kepada 8 Tahun**

| Tahun Urusan | Jumlah Pinjaman yang perlu (\$ Juta) | Modal Badan Tabung Siswa (\$ Juta) | Bantuan yang perlu dari Kerajaan (\$ Juta) |
|--------------|--------------------------------------|------------------------------------|--|
| Pertama | 3 | - | 3 |
| Ke 2 | 6 | - | 6 |
| Ke 3 | 9 | - | 9 |
| Ke 4 | 12 | - | 12 |
| Ke 5 | 12 | - | 12 |
| Ke 6 | 12 | 1.78 | 10.22 |
| Ke 7 | 12 | 3.57 | 8.43 |
| Ke 8 | 12 | 5.35 | 6.65 |
| Ke 9 | 12 | 7.13 | 4.87 |
| Ke 10 | 12 | 8.91 | 3.09 |
| Ke 11 | 12 | 10.69 | 1.31 |
| Ke 12 | 12 | 12.48 | - |
| Ke 13 | 12 | 14.26 | - |
| Ke 14 | 12 | 14.26 | - |

Jumlah harta Tabung Siswa setelah sebelas tahun adalah: \$ 76.57 juta.

Contoh (atau model) di atas hanya direka untuk memberi gambaran perangkaan cara pentadbiran kewangan Tabung Siswa itu.

Jika asas sistem itu dipersetujui, saya atau orang yang lebih pakar, boleh mereka beberapa model yang lebih rumit. Umpamanya, bilangan mahasiswa atau bilangan yang akan diberi pinjaman tentu akan bertambah dari 5,000 hingga menjadi 10,000 di dalam jangka masa empat hingga enam tahun yang akan datang. Boleh jadi, angka 10,000 itupun agak suatu anggaran terkecil. Jumlah pinjaman seseorang boleh jadi harus ditambah dari \$ 2,400 menjadi \$ 3,000 setahun ataupun lebih. Nescaya perubahan seperti ini akan memerlukan modal yang lebih besar.

Kadar bunga itu boleh diletak lebih atau kurang dari empat peratus mengikut keputusan dasar Kerajaan.

Jikalau Kerajaan memberi wang yang lebih kepada Tabung Siswa itu pada tahun-tahun yang awal apabila jumlah pinjaman tidak begitu besar, Tabung itu boleh melabur modal itu dan ia boleh mencapai keadaan berdikari lebih awal dari tahun keduabelas.

Saya belum lagi membuat anggaran tentang kos pentadbiran Tabung Siswa itu. Dari pengalaman saya di Universiti dan pengetahuan saya tentang perjalanan beberapa Perbadanan yang Berkanun, saya fikir jumlah perbelanjaan untuk pentadbiran harus dapat dikawal supaya ia terhad kepada sebahagian dari jumlah bayaran bunga selepas tahun ketujuh.

Pendek kata, jikalau Tabung Siswa itu ditadbir dengan cermat dan sedikit kebijaksanaan, ia boleh memberi bantuan yang berkesan kepada lebih dari 12,500 mahasiswa di dalam masa sepuluh tahun. Satu faedah besar bagi Kerajaan ialah wang bayaran untuk biasiswa yang sekarang tiap-tiap tahun seperti air dicurah pada pasir akan menjadi tasik yang senantiasa boleh menolong siswa yang perlukan pinjaman.

Nyatalah selepas tahun kesebelas, Kerajaan tidak kena belanjakan satu sen pun untuk biasiswa kerana Tabung Siswa itu sudah boleh berdikari.

Mencari Penjamin

Dari segi Pentadbiran, satu perkara yang boleh diatasi, yang sekarang ini menjadi kerumitan bagi mahasiswa, ialah masaalah mencari orang-orang yang sedia menjadi penjamin kepada surat permohonan biasiswa. Jika kita menggunakan sistem pinjaman, pehak Tabung Siswa itu boleh memberi pinjaman itu secara langsung dengan tidak memerlukan penjamin melainkan ibubapa mahasiswa itu jika peminjam itu berumur lebih dari lapanbelas tahun.

Setelah seorang mahasiswa itu lulus dari Universiti dan mendapat kerja Kerajaan, gajinya boleh dipotong terus oleh pehak Kerajaan. Berkenaan dengan soal siswazah yang bekerja di dalam lapangan swasta maka jika perlu boleh diadakan undang-undang khas supaya potongan untuk Tabung Siswa itu dikenakan cara serupa dengan potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (E.P.F.) yang ada sekarang ini.

Dengan itu tidak payahlah bakal mahasiswa dari desa berlari ke mari ke sana mencari orang yang sanggup menjadi penjamin. Mereka ini sekarang mengalami kerumitan besar oleh kerana di kawasan desa tidak ada ramai orang yang berharta atau berpendapatan besar yang boleh diterima oleh Kerajaan sebagai penjamin. Maka calun mahasiswa dari desa itu mungkin tidak pula kenal orang-orang kota, tambahan lagi orang-orang di Kuala Lumpur (tempat yang mungkin beratus batu jauh dari rumah mereka). Lebih-lebih lagi di Kota, mereka susah hendak mencari orang baik hati yang sanggup menjadi penjamin.

Simpanan di Tabung Siswa

Sayugia diingat bahawa Tabung Siswa yang saya syurkan di atas semata-mata adalah satu alat untuk menolong siswa dengan pinjaman yang mencukupi serta merengangkan beban perbelanjaan Kerajaan di atas pembayaran biasiswa pada tiap-tiap tahun.

Jikalau Kerajaan boleh menerima cadangan saya tentang Tabung Siswa dan Kerajaan sedia mengujudkan Perbadanan itu dengan suatu akta, maka saya suka memberi cadangan tambahan supaya bukan sahaja beban kewangan itu direngangkan, akan tetapi rakyat pun dapat suatu kemudahan yang saya berani berkata sangat diperlukan pada zaman ini khas bagi golongan desa.

Yakni, pada peringkat kedua (Phase II) saya syurkan supaya Tabung Siswa menerima wang simpanan dari ibubapa serupa dengan prinsip simpanan yang diadakan di dalam Perbadanan Tabung Haji yang saya telah syurkan duabelas tahun dahulu. Simpanan-simpanan itu boleh ditujukan khas kepada kumpulan wang untuk belanja pelajaran anak-anak penyimpan itu.

Umpamanya, jikalau seorang menyimpan lima ringgit sebulan dalam masa anaknya berumur setahun hingga umurnya 16 tahun, ia boleh mendapat jumlah wang simpanan sebanyak \$ 1,250. Ini termasuk kadar bunga empat peratus yang ditambah pada jumlah simpanan tiap-tiap tahun. Sebahagian dari wang simpanan itu boleh digunakan untuk perbelanjaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kemudian Sijil Tinggi Persekolahan jika perlu. Jika disimpan terus sehingga anaknya itu berumur 18 tahun mungkin mereka sudah ada modal \$ 1,478. Modal itu akan mengurangkan jumlah pinjaman yang diperlukan untuk belajar di Universiti.

Saya boleh syurkan cara-cara supaya orang menyimpan sepuluh atau duapuluh sen seminggu pun jika ini dianggap berguna. Dengan latihan diri menyimpan wang orang akan jadi biasa menyimpan wang untuk perbelanjaan belajar anak-anak mereka.

Boleh juga dibuat suatu peraturan supaya wang itu dipindahkan penerimaannya jikalau anak itu cicir, jadi cacat, mengidap penyakit merana atau meninggal dunia dan ada saudaranya yang ada harapan maju di sekolah menengah atau di Universiti.

Saya berpendapat kaum desa dan Orang Melayu khasnya sudah mulai pandai mengumpul wang melalui Tabung Haji untuk menuaikan Fardu Haji dan juga menyimpan wang di Pejabat Pos. Eluklah kita latih Orang Melayu umum itu menyimpan dengan Tabung Siswa sebagai satu langkah yang akan mengubah sikap mereka kearah yang lebih progresif.

Insuran Pelajaran dan Tabung Siswa

Bagi peringkat ketiga (Phase III), saya syur disediakan sistem insuran untuk pelajaran supaya ibubapa itu boleh menjamin keadaan kewangan anak mereka dalam masa 17 tahun ke hadapan. Umpamanya, katakan seorang bapa menyimpan dengan Tabung Siswa lima ringgit sebulan untuk anaknya dari masa anak itu berumur satu tahun. Dengan tidak kena bayaran tambahan, kerana kos itu boleh ditolak dari bunga empat peratus, jumlah simpanannya boleh dijamin melalui insuran nyawa dengan menilai jumlah kasar apa yang mereka bercadang menyimpan di dalam masa tujuhbelas tahun itu. Katakanlah jumlah simpanan itu dianggar \$ 2,000. Dengan insuran nyawa, yang akan diurus oleh Tabung Siswa dengan kerjasama syarikat insuran, bapa itu boleh menjamin bahawa anaknya tentu akan menerima \$ 2,000 samaada bapa itu, yang menjadi sumber pencarian keluarga itu, hidup

atau meninggal dunia sebelum anaknya sampai umur lapanbelas tahun. Insuran nyawa itu akan memberi ganti rugi dan akan menjaminkan \$ 2,000 apabila anaknya sampai keumur lapanbelas tahun. Misalnya bapa itu mati semasa anaknya masih kecil ketika berumur sepuluh tahun. Keluarganya tidak perlu membayar apa-apa insuran. Jumlah wang \$ 2,000 akan disediakan oleh Tabung Siswa kerana wang itu boleh didapati dari jumlah insuran di dalam Tabung Siswa itu.

Saya rasa pembaca memo ini tentu boleh menambah beberapa syur tentang faedah-faedah lain yang harus diterima oleh kaum desa dan semua golongan pekerja yang berpendapatan rendah dari sistem seperti yang saya syurkan itu. Hanya satu sahaja saya hendak tambah. Iaitu, misalnya jikalau si anak itu tidak berhajat ke Universiti atau tidak cukup syarat kelulusan STP/HSC untuk masuk ke Universiti, maka wang \$ 2,000 itu boleh digunakan untuk modal apa-apa perniagaan atau perusahaan yang sifatnya meminjam itu suka menguruskan.

Agaknya saya sudah berikan cukup keterangan tentang asas Tabung Siswa itu. Hanya ada dua perkara lain yang terlibat dengan sistem Tabung Siswa yang perlu saya bincangkan.

Yang pertama soal kemasukan ke Universiti dan yang kedua ialah soal kewajipan bagi penerima biasiswa berkhidmat kepada Kerajaan.

Kemasukan dan Seksyen 47

Di atas saya sudah terangkan bahawa semua penerima biasiswa Kerajaan wajib diberi tempat di dalam fakulti-fakulti tertentu oleh semua Universiti. Jikalau penerima biasiswa Kerajaan itu hendak ditolak, maka Universiti itu perlu mendapat kebenaran dari Menteri Pelajaran.

Sekarang ini orang yang menerima biasiswa samaada besar atau kecil atau pinjaman dari Perbadanan-Perbadanan, semuanya berhak mendapat tempat mengikut Seksyen 47 Perlembagaan Universiti.

Jikalau pun tidak dipinda undang-undang negara supaya Menteri Pelajaran menguruskan kemasukan di bawah Seksyen 47 itu dengan sepenuhnya, sistem yang ada sekarang inipun boleh dipakai dengan syarat semua badan Kerajaan termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri, bersetuju dengan suatu sistem pembahagian yang baru.

Penting agaknya saya tegaskan lagi sekali dengan jelas syur ini adalah syur saya di atas nama saya sendiri dan sifat iktisas saya. Ia bukanlah suatu cadangan resmi dari Universiti Malaya ataupun dari Naib-Canselor Universiti Malaya.

Apa yang saya syurkan ialah, pada tiap-tiap tahun ditentukan beberapa tempat di tiap-tiap fakulti di tiap-tiap Universiti yang akan diisi dengan calun-calun di bawah seksyen 47 itu. Kementerian Pelajaran, bagi pehak semua badan-badan Kerajaan Pusat serta Negeri menentukan sesiapa yang akan diberi hadiah biasiswa sebanyak \$ 500. Iaitu bayaran yuran Universiti bagi satu tahun. Siapa pun yang mendapat hadiah itu harus diterima oleh Universiti yang berkenaan. Bilangan biasiswa hadiah itu harus diselaraskan dengan rapi dengan bilangan tempat kosong di mana-mana Universiti yang diperuntukkan di bawah seksyen 47. Kemudian penerima hadiah \$ 500 itu boleh meminta pinjaman seberapa banyak yang mencukupi untuk tanggungannya. Soal pinjaman itu menjadi suatu perkara di antara mahasiswa yang sudah ada tempat dan Tabung Siswa. Soal kemasukan jadi perkara di antara calun siswa dan Kementerian Pelajaran yang memberi biasiswa hadiah serta Universiti-Universiti yang menerima calun itu.

Penubuhan O.K.

Untuk menguruskan perkara ini sudah tentu Kementerian Pelajaran mesti menubuhkan suatu badan khas yang mungkin boleh diberi nama "Organisasi Kemasukan" (O.K.). Badan-badan Kerajaan termasuk pusat dan negeri mesti bekerjasama rapat dengan O.K. itu. Saya rasa walau bagaimanapun perkara ini terpaksa dihadapi oleh Kerajaan di dalam masa dua tiga tahun yang akan datang oleh sebab bilangan pemohon tempat di Universiti sudah bertambah dengan cepat dan bilangan biasiswa yang dikeluarkan oleh berbagai Perbadanan Kerajaan sedang bertambah juga dengan cepatnya. Lebih baik diatur suatu badan seperti O.K. yang boleh bekerja rapat dengan Badan-Badan Kerajaan, Tabung Siswa dan Universiti supaya semua segi perkara perbelanjaan dan kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti dapat diselesaikan dengan satu kali jalan. Dan dengan itu juga dapat dielakkan persaingan sia-sia di antara Badan-Badan.

Untuk menghormatkan sebahagian dari otonomi Universiti-Universiti dan untuk melayan hasrat pilihan calun ke Universiti-Universiti, O.K. itu boleh menggunakan senarai-senarai nama yang sekarang disediakan untuk Universiti-Universiti oleh Unit Pusat Universiti. Umpamanya seperti sekarang, semua calun menunjukkan pilihannya pertama, kedua dan ketiga bagi Universiti/Fakulti yang mereka suka hendak masuk. Dengan mudah dan rapi komputer boleh menyediakan senarai semua calun itu terbahagi kepada dua saluran: Bumiputra/Melayu dan Bukan Melayu bagi tiap-tiap Universiti/Fakulti. Dalam tiap-tiap saluran Universiti/Fakulti itu boleh diatur juga calun-calun itu daripada calun yang paling baik (mengikut hasil peperiksaan STP/HSC) sehingga kepada calun yang paling rendah hasil STP/HSC itu. Jika diperlukan pembahagian-pembahagian kecil mengikut sifat negeri asal, jantina dan lain-lain sifat pun boleh dimasukkan ke senarai-senarai itu supaya pilihan itu boleh dibuat dengan mudah serta objektif.

Kemudian kita perlu kaji perkara kewajipan berkhidmat kepada Kerajaan selepas mahasiswa-mahasiswa lulus dari Universiti.

Kewajipan Berkhidmat

Biasanya, pada masa ini, orang yang mendapat biasiswa tiga tahun diwajibkan menawarkan perkhidmatannya kepada Kerajaan selama lima tahun mengikut jumlah biasiswa itu. Jikalau mereka sedia membayar balik jumlah wang biasiswa itu, mereka boleh dibebaskan dari apa-apa kewajipan. Mengikut undang-undang baru, Siswazah Kejuruteraan, Perubatan dan Pergigian diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan selama dua tahun samaada mereka menerima biasiswa atau tidak.

Saya syur berdasarkan hadiah \$ 500 yang akan diberi oleh Kementerian Pelajaran, maka calun siswa itu diwajibkan berkhidmat kepada Kerajaan beberapa tahun mengikut jangka masa yang ada sekarang ini. Oleh yang demikian, dalam hal ini tidak ada perubahan dasar yang diperlukan.

Jikalau ada orang yang mengatakan bahawa mereka akan meminjam wang untuk perbelanjaan di Universiti dan tidak menerima biasiswa lebih daripada hadiah \$ 500 itu. Oleh itu, tidak patut dikenakan kepada mereka kewajipan berkhidmat dengan Kerajaan selama beberapa tahun, dan saya boleh memberi hujah untuk menjawabnya.

Yakni, sebenarnya Kerajaan membantu tiap-tiap mahasiswa yang belajar di Universiti dengan sumbangan di antara \$ 1,000 hingga \$ 9,000 setahun mengikut fakulti. Iaitu walaupun mereka membayar duit yuran dan lain-lain bayaran dengan duitnya sendiri atau dengan pinjaman, kos yang mesti dibelanjakan oleh pehak Universiti untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan dan alat-alat mengajar serta

gaji guru-guru bagi tiap-tiap seorang mahasiswa itu adalah pukul rata bagi semua fakulti, \$ 2,274 seorang setahun. Ada fakulti dimana perbelanjaan ini rendah seperti Fakulti Sastera dan ada fakulti yang tinggi seperti Fakulti Perubatan. Mahasiswa hanya membayar yuran Universiti \$ 500 setahun. Yang lain itu datang dari wang bantuan Kerajaan yang menyokong jumlah belanjawan Universiti lebih kurang lapan puluh peratus dari jumlah perbelanjaan tahunan itu. Iaitu bayaran yuran di Universiti Malaya hanya dapat menampung lima belas peratus dari jumlah perbelanjaan tiap-tiap tahun. Umpamanya, bantuan Kerajaan itu bagi tahun 1973 dianggarkan adalah sebanyak \$ 28 juta atau tujuhpuluhan tiga peratus dan jumlah anggaran perbelanjaan Universiti bagi tahun 1973.

Galakan dan Masyarakat Adil

Zaman dahulu telah dirasai bahawa biasiswa itu sendiri sudah mencukupi sebagai galakan. Yakni biasiswa itu hanya dihadiahkan kepada calun-calun yang mendapat hasil peperiksaan yang terbaik. Zaman sekarang dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru galakan itu sahaja tidak begitu berkesan. Sebaliknya oleh sebab hasil baik peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan yang selalu merengkang kepada pelajar dari kota, yakni kebanyakan pelajar bukan Bumiputra, maka pengaruh galakan itu boleh jadi "terbalik kot".

Oleh yang demikian, saya syur kita atasi masaalah itu dengan memecahkan masaalah kepada tiga perkara:

- (i) Soal kemasukan;
- (ii) Soal kewangan (mencukupi) dan
- (iii) Soal galakan.

Saya telah menunjukkan di atas bagaimana Kerajaan boleh menggunakan seksyen 47 Perlembagaan Universiti untuk melaksanakan dasar Kemasukan yang sewajarnya.

Saya telah menunjukkan bagaimana dengan penubuhan Tabung Siswa kita boleh mengatasi masaalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa dengan cara yang bukan sahaja boleh menyenangkan mahasiswa itu akan tetapi juga boleh merengangkan beban kewangan di dalam perekonomian Kerajaan.

Sekarang saya akan membuat beberapa syur tentang soal galakan. Galakan itu perlu kerana kadang-kadang pemuda-pemudi yang datang ke Universiti tidak begitu insaf tentang peri mustahaknya belajar bersungguh-sungguh dari hari pertama mereka masuk ke Universiti dan bersaing dengan pelajar-pelajar lain untuk pencapaian hasil cemerlang.

Di antara banyak teknik galakan adalah pemberian hadiah. Di sini saya akan hadkan perbincangan saya kepada sistem hadiah yang ada di Universiti Malaya. Saya akan ambil contoh ini sebab saya kenal sistem di Universiti Malaya sejak lebih duapuluh tahun dahulu.

Agaknya perlu juga lagi sekali saya tegaskan bahawa di dalam memo ini saya memajukan fikiran saya sendiri dan bukan dasar resmi Universiti. Sudah tentu saya berharap syur saya itu akan diterima kelak oleh pehak-pehak berkenaan di Universiti Malaya dan mungkin ditimbang oleh Universiti-Universiti lain di Malaysia. Akan tetapi buat masa ini semua syur itu adalah dari ilham saya sendiri.

Sistem hadiah yang ada sekarang boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu: hadiah-hadiah wang yang dinamakan biasiswa tinggi (Senior Scholarship) serta biasiswa kemasukan (entrance scholarship) dan hadiah buku-buku.

Hadih biasiswa tinggi itu bernilai \$ 300 setahun. Ia dihadiahkan kepada mahasiswa terbaik di dalam dua peringkat peperiksaan tahunan di tiap-tiap fakulti. Biasiswa tinggi itu boleh diterima oleh mahasiswa yang sedang menerima biasiswa lain dari Kerajaan atau pihak swasta. Hadih itu berjalan terus selama mahasiswa itu melanjutkan kursusnya dari setahun ke setahun hingga peperiksaan akhirnya.

Bagi peperiksaan tahun akhir pula di tiap-tiap fakulti ada hadiah \$ 300 untuk pelajar terbaik yang diakui oleh Lembaga Peperiksaan bagi fakulti itu.

Bagi mahasiswa baru pula Universiti memberi biasiswa kemasukan yang bernilai \$ 300 di tiap-tiap fakulti kepada tiga orang calon mahasiswa yang mendapat hasil peperiksaan STP/HSC yang paling baik di antara semua calon yang diterima masuk ke fakulti itu.

Peruntukan bagi pemberian hadiah-hadiah biasiswa itu pada 1972 adalah \$ 30,000 untuk lebih kurang 100 hadiah.

Hadih buku bernilai \$ 100 diberi di tiap-tiap fakulti kepada mahasiswa yang mendapat kelulusan terbaik kelas satu di dalam peperiksaan akhir untuk ijazah. Selain dari itu ada juga hadiah buku bernilai \$ 50 yang diberi kepada mahasiswa yang mendapat hasil peperiksaan yang paling baik di dalam tiap-tiap satu matapelajaran (subject) di semua pejabat atau bahagian di seluruh fakulti. Pembelian buku itu dibuat dengan persetujuan Dekan tiap-tiap fakulti yang berkenaan. Pada tahun 1972 peruntukan untuk hadiah-hadiah buku itu adalah \$ 4,750 bagi enampuluh satu hadiah.

Saya syurkan supaya kita ambil tiga langkah. Yang pertama semua hadiah dijadikan hadiah wang. Dan hadiah-hadiah itu dibeza-bezakan nilainya. Misalnya jikalau kita hendak galakan Ilmu Hisab atau Ilmu Akaun lebih, kita naikkan nilai hadiah itu dari \$ 100 setahun kepada \$ 600 ataupun hingga \$ 1,000 setahun. Nilai-nilai hadiah itu boleh dikaji semula tiap-tiap tiga tahun sekali.

Galakan Kemajuan

Langkah kedua ialah sambil menggalakkan mahasiswa yang mendapat hasil terbaik, kita adakan pula satu lagi sistem hadiah untuk mahasiswa yang menunjukkan *kemajuan* terbaik.

Saya berkesan bahawa hadiah-hadiah yang ada sekarang itu lebih mudah dicapai oleh mahasiswa yang berasal dari kawasan bandar atau yang belajar seterusnya di sekolah-sekolah menengah yang baik di kota-kota seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh. Bagi mahasiswa yang berasal dari kawasan desa dan yang belajar di salah satu dari tujuh ratus lebih sekolah menengah yang terletak di luar tiga kota-kota tersebut, mereka tidak begitu berpeluang mendapat hadiah-hadiah itu. Ini disebabkan kemudahan pelajaran di sekolah-sekolah di kota-kota itu jauh lebih baik dari keadaan di sekolah-sekolah di kawasan desa.

Akibat perbezaan sekolah menengah di kota dan di desa itu akhirnya meleret ke Universiti. Sekarang ini mengikut filsafah Masyarakat Adil dan Dasar Ekonomi Baru, supaya disusun semula masyarakat Malaysia, eluklah juga kita mencari jalan menggalakkan golongan dari desa di dalam usaha-usaha mereka mencari pelajaran di peringkat Universiti.

Maka dari itu, saya syurkan supaya ditambah kepada sistem hadiah-hadiah untuk pelajar terbaik satu sistem lagi dimana diberi hadiah kepada pelajar-pelajar yang menunjuk kemajuan yang paling baik. Iaitu misalnya seorang yang masuk tahun pertama itu terletak di antara kelompok tiga sepuluh peratus yang paling rendah di dalam jumlah pelajar kelas itu. Maka setelah ia belajar setahun di Universiti, ia dapat mencapai

kemajuan di dalam hasil peperiksaannya dan dia terletak di dalam Kelompok tigapuluhan peratus yang paling baik. Ini adalah satu kemajuan yang baik bagi mahasiswa itu. Pelajar yang mencapai kemajuan seperti itu harus diberi hadiah wang tunai sebanyak \$ 200 hingga \$ 500 kerana menggalakkan kerajinannya.

Begitu juga boleh diadakan hadiah-hadiah itu sehingga hadiah ribuan ringgit untuk menggalakkan istimewa anak-anak desa di dalam lapangan pelajaran sains termasuk Ilmu Hisab. Dengan duit hadiah itu mereka tidaklah payah lagi meminjam wang untuk bayaran yuran dan bayaran-bayaran yang lain.

Saya rasa tidak begitu sukar untuk mengatur satu sistem yang objektif untuk menentukan ukuran kemajuan akademik yang boleh dipakai di mana-mana fakulti samaada bilangan mahasiswanya itu ramai atau sedikit.

Satu kelebihan dari sistem hadiah yang saya syurkan itu ialah hadiah itu dapat dinikmati semasa mahasiswa itu sedang belajar. Hadiah-hadiah buku sekarang hanya dinikmati oleh siswazah selepas mereka menerima ijazah. Saya rasa satu dari tujuan galakan ialah mendapat kesan sambil proses belajar itu berjalan, bukan setelah pelajaran itu sudah tamat.

Galakan Untuk Sukan, Kebudayaan dan Jaya Desa

Berkenaan dengan hadiah Universiti, langkah yang ketiga yang hendak saya syurkan ialah pemberian hadiah kepada mahasiswa yang menunjukkan perkhidmatan luarbiasa di dalam lapangan sukan, kebudayaan dan kerja-kerja pembangunan desa atau jaya desa.

Sekarang ini pemimpin mahasiswa selalu bersungut bahawa pehak Universiti tidak mengakui kegiatan mereka di dalam lapangan sukan, kebudayaan mahupun jaya desa selain dari pemberian bantuan wang kepada pengurusan rancangan tertentu dan galakan peribadi oleh Naib-Canselor. Jikalau syur saya diterima, kita boleh memberi kepada mahasiswa yang betul-betul menunjukkan minat dan kecekapan pimpinan, hadiah dari \$ 100 hingga \$ 1,000 setahun.

Umpamanya, di dalam lapangan sukan, kita harus memberi layanan istimewa kepada bakat-bakat yang boleh mewakili bukan sahaja Universiti akan tetapi negara di lapangan sukan antarabangsa. Selain dari persediaan kelas tutorial khas untuk menggantikan masa belajar yang mereka terpaksa mengorbankan, kita harus memberi hadiah wang yang boleh digunakan untuk membayar bayaran Universiti atau kos asrama dan lain-lain.

Begitu juga bagi mahasiswa yang bergiat di dalam lapangan kebudayaan samaada tarian, nyanyian, musik, drama atau penciptaan lukisan, gambar foto dan lain-lain.

Universiti harus memberi hadiah wang tunai kepada mahasiswa yang mencipta karya-karya seni di dalam beberapa lapangan supaya mereka digalakkan menyumbangkan bakat mereka kepada pembangunan kebudayaan negara. Hadiah itu boleh diselaraskan dengan pameran-pameran yang diadakan sepanjang tahun dan di Pesta-Pesta seperti Pesta Ria yang diikuti oleh lebih dari 50,000 orang pada tiap-tiap tahun.

Berkenaan dengan usaha jaya desa kita boleh reka beberapa jenis hadiah untuk kegiatan, inisiatif, pimpinan dalam perkhidmatan jaya desa yang diberikan oleh mahasiswa. Saya fikir baik sekali jikalau Universiti boleh memberi hadiah di antara \$ 50 dan \$ 100 kepada sebilangan ramai pelajar yang suka berkhidmat di sektor desa di dalam masa cuti panjang.

Saya menaksirkan jumlah wang untuk beberapa jenis hadiah yang saya cadangkan di atas mungkin dan memerlukan lebih dari \$ 100,000 setahun. Saya tahu mungkin ada orang yang akan terperanjat membaca sesuatu anggaran yang begitu besar. Akan tetapi jikalau tujuan Kerajaan, Universiti serta rakyat untuk mendidik mahasiswa yang sehat rohani serta jasmaninya dan yang bersopan-santun serta menghormati kesusilaan dan yang bersifat "all rounder", di dalam sukan, kebudayaan dan jaya desa maka ini tidaklah satu perbelanjaan yang begitu besar.

Penutup

Perlu saya tegaskan bahawa perubahan bersifat radikal yang saya cadangkan di sini adalah dimaksudkan bagi semua mahasiswa dari semua bangsa Malaysia yang belajar di semua Universiti di Malaysia dan di seberang laut.

Untuk mengelakkan dari kekeliruan elok juga jika saya sebutkan sedikit keterangan tentang pembahagian biasiswa Kerajaan (Section 47) di antara rakyat semua bangsa Malaysia. Umpamanya, pada tahun 1971 dari jumlah 3,711 biasiswa Kerajaan, 2,706 (73 peratus) diterima oleh mahasiswa Melayu/Bumiputra, dan 1,005 (27 peratus) diterima oleh orang bukan Melayu/Bumiputra. Satu perkara yang harus diketahui oleh peminat hal mahasiswa bukan Melayu ialah kalau dikira peratus, jumlah wang yang diterima oleh seorang (iaitu per capita) oleh mahasiswa bukan Melayu adalah \$ 7,500 dan ini boleh dibandingkan dengan \$ 5,555 yang diterima oleh mahasiswa Melayu. Perbezaan yang agak besar ini akibat dari bilangan besar mahasiswa bukan Melayu yang mengikuti kursus-kursus aliran sains (seperti Kejuruteraan atau Perubatan) yang memerlukan pelajar-pelajar itu mengikuti kursus selama empat hingga enam tahun dan juga nilai biasiswa yang diberi di dalam jurusan itu adalah di antara \$ 2,500 dan \$ 3,000 setahun. Manakala kebanyakan mahasiswa Melayu pula terdapat di fakulti-fakulti aliran Sastera atau Ekonomi dan Pentadbiran dimana masa belajarnya hanya tiga tahun dan pukul rata nilai biasiswanya terletak di antara \$ 1,000 dan \$ 2,500.

Sayugia juga diingatkan bahawa memo ini hanya menerangkan perkara pokok dan prinsip-prinsip yang perlu difahami dan dipersetujui dahulu. Jikalau asas-asas itu boleh diterima, kemudian barulah boleh soal-soal butir seperti kadar bunga, masa bayar balik sistem penentuan "Kemajuan Akademik, cara menentukan "Pinjaman yang mencukupi" dan lain-lain, dihalusi dan ditentukan supaya boleh ia dilaksanakan dengan tegas dan adil.

Satu kemudahan yang sangat sesuai dengan prinsip Masyarakat Adil serta perekonomian kewangan bagi mahasiswa-peminjam serta Kerajaan yang mengeluarkan modal asal itu, ialah jumlah wang yang dipinjamkan itu dapat diperimbangkan dengan keadaan ekonomi peminjam itu. Maksud saya ialah mereka yang datang dari keluarga berada tidak payah meminjam langsung. Dan dari segi prinsip Masyarakat Adil mereka tidak harus diberikan wang biasiswa misalnya \$ 2,000 sebagai hadiah percuma kerana sebenarnya mereka tidak perlukan bantuan kewangan sebegitu banyak.

Sebaliknya orang dari keluarga pendapatan kecil boleh meminjam jumlah wang yang diperlukan. Dan istilah "diperlukan" atau "yang mencukupi" itu harus ditafsir supaya ia melibat semua tanggungan yang biasa atau menasabah. Namun seorang dari golongan yang miskin boleh meminjam sebanyak \$ 4,000 pun.

Setelah pada akhirnya ia membayar balik semua wang yang dipinjam, Tabung Siswa senantiasa ada bahan untuk menolong mahasiswa yang lain. Kerajaan tidak perlu lagi mencari Vote atau Fund, di sana sini, untuk menolong satu dua kes yang "ada hubungan baik" atau yang dapat publisiti di dalam akhbar. Semua calon mahasiswa boleh mendapat pinjaman yang mencukupi secara adil dan saksama.

Akhirnya, jikalau kita benar-benar menyokong prinsip Masyarakat Adil di dalam Rukunegara dan kita bersetuju seratus peratus bahawa semua rakyat harus mendapat peluang menikmati kekayaan negara yang dibahagikan dengan adil dan saksama, maka saya percaya kita harus menyokong syur saya supaya sistem biasiswa yang ada sekarang ditukarkan kepada sistem pinjaman yang mencukupi.

Sistem itulah boleh dapat mempengaruhi dengan berkesan, penyusunan semula masyarakat dan memberi galakan yang pukal kepada anak-anak desa yang sekarang ini masih lagi belum dapat diselamatkan dengan secukupnya dari tindasan dan keadaan terbiar.